

GODAAN KESERONOKAN REMAJA DI LUAR RUMAH

Oleh Noor Azam Abdul Rahman

MENCARI keseronokan di luar rumah merupakan salah satu pilihan popular dalam kalangan remaja apabila keadaan di dalam rumah tidak lagi memberikan jaminan keseronokan kepada mereka. Situasi seperti ini boleh mengakibatkan implikasi yang besar terhadap pembentukan sebuah keluarga harmoni dan bahagia, yang menjadi idaman setiap individu dan matlamat negara yang maju. Kebahagiaan keluarga dalam komuniti masyarakat dan negara menjadi lebih penting dalam proses kemajuan negara. Tambahan pula, Malaysia kini dalam usaha untuk muncul sebagai negara maju yang bukan sahaja hebat teknologinya, malah seiring dengan institusi keluarga juga kukuh dan terpelihara.

Keseronokan bermakna keadaan yang menjadikan seseorang itu sanggup melakukan apa-apa sahaja bagi memenuhi hasratnya untuk mencapai kegembiraan, rasa suka dan seronok. Dalam konteks remaja, keseronokan merupakan perkara yang biasa dilakukan oleh mereka, sama ada semasa bersama-sama keluarga, rakan sebaya ataupun ahli masyarakat yang lain. Semasa pertemuan tersebut, akan ada pelbagai aktiviti yang membuatkan mereka gembira. Hal ini berbentuk subjektif kerana rasa gembira seseorang itu berbeza antara satu dengan yang lain. Biasanya remaja mempunyai nilai kegembiraan yang hampir sama dalam lingkungan usia yang sama. Remaja seronok melakukan perkara yang akan menarik perhatian orang lain, yang akan memberikan nilai tambah kepada penampilan dan harga diri mereka.





Pakar psikologi menjelaskan bahawa setiap remaja, sama ada lelaki ataupun perempuan, amat memerlukan perhatian daripada orang di sekeliling mereka. Remaja lelaki biasanya memerlukan kasih sayang dalam bentuk perkongsian. Mereka lebih seronok berbincang dan berbalut tentang perkara yang disukai. Sebagai contohnya, hobi dan kecenderungan mereka. Remaja perempuan pula memerlukan perhatian dalam bentuk komunikasi yang lembut dan penuh kasih sayang. Remaja perempuan ingin akan orang yang rapat dengan mereka mengetahui apa-apa yang diinginkan. Ibu bapa dan penjaga, khususnya, perlu sentiasa memastikan remaja perempuan mendapat belaian kasih sayang dalam bentuk komunikasi yang baik, termasuklah perbincangan tentang hal peribadi, perasaan dan emosi mereka.

Kegagalan ibu bapa atau penjaga mengendalikan rutin hubungan yang baik dengan anak remaja di rumah menjadi faktor penarik utama remaja mencari keseronokan di luar rumah.

Bukan kesalahan yang besar untuk mencari keseronokan di luar rumah jika keseronokan itu dinikmati secara terkawal, iaitu tidak melampaui batas, adat, budaya, agama, serta nilai dan norma masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, mencari keseronokan di luar rumah sebenarnya mendedahkan remaja kepada banyak perkara yang tidak diinginkan.

Oleh itu, ibu bapa perlu sentiasa peka dan prihatin terhadap anak remaja tentang keinginan dan hasrat yang perlu ditangani. Perkara ini penting kerana faktor utama remaja bertindak mencari keseronokan di luar rumah berpunca daripada tindakan ibu bapa mereka.

Pada kebiasaannya, anak remaja bertindak keluar dari rumah kerana mereka tidak bahagia berada di rumah. Mereka tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh ibu bapa. Kegagalan ibu bapa bertindak sebagai individu yang paling rapat dan intim dengan anak remaja menyebabkan mereka bertindak di luar jangkaan.

Suasana keluarga yang bermasalah memberikan kesan yang besar terhadap pemikiran dan tindakan seluruh anggota keluarga tersebut. Ibu bapa yang bermasalah pastinya memberikan kesan secara langsung terhadap anak mereka. Sebagai contohnya, jika berlaku perceraian antara ibu dengan bapa, anak akan terjejas tumpuan dan perhatian mereka terhadap institusi keluarga. Kesan perceraian biasanya menyebabkan anak tidak selesa untuk berkongsi apa-apa sahaja perkara dengan ibu bapa mereka. Banyak kes yang dipaparkan dalam media massa tentang kesan buruk yang berlaku terhadap anak akibat daripada perceraian. Banyak kes jenayah dan salah laku dalam kalangan remaja yang berlaku berpunca daripada perceraian ibu bapa mereka. Walaupun tidak dinafikan terdapat anak remaja yang mampu menerima perceraian ibu bapa mereka secara positif sehingga berjaya mengubah keadaan tersebut sebagai cabaran kepada mereka, masih banyak remaja yang gagal menangani isu perceraian ibu bapa dengan baik. Sebagai kesannya, mereka terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat di luar rumah.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, sebanyak 38 035 pasangan bercerai dari Januari hingga Ogos 2015. Statistik ini menunjukkan secara purata sebanyak 156 kes perceraian berlaku setiap hari atau enam kes bagi setiap jam. Bayangkan kesan terhadap anak remaja di Malaysia dengan jumlah kes perceraian sebanyak ini. Seperti yang telah dibincangkan, kesan perceraian terhadap anak remaja amat besar. Jika ibu bapa tidak dapat memberikan tumpuan khusus terhadap anak mereka, pastinya tindakan mencari keseronokan di luar rumah menjadi pilihan remaja terbabit.

Keadaan yang tidak tenteram di rumah menyebabkan remaja tertarik untuk bersama-sama kawan di luar rumah. Keluarga yang berpecah-belah kerana perceraian ibu bapa menyebabkan tanggungjawab mereka terhadap anak terjejas. Ibu bapa lebih memberikan perhatian terhadap masalah mereka sendiri yang tidak stabil, sehingga terlepas pandang keperluan dan masalah anak remaja mereka. Hal ini sangat merumitkan bagi remaja. Dalam keadaan remaja memerlukan perhatian yang lebih daripada ibu bapa, mereka telah dikesampingkan. Oleh itu, bukan sesuatu yang luar biasa apabila remaja ini mula mencari keseronokan di luar rumah. Semasa di luar rumah, mereka mendapat perhatian yang baik daripada rakan sebaya yang juga mempunyai sebab seperti mereka untuk mencari keseronokan di luar rumah. Walau bagaimanapun, keseronokan di luar rumah bersama-sama rakan sebaya ini biasanya tidak bertahan lama kerana

Semasa di luar rumah, mereka mendapat perhatian yang baik daripada rakan sebaya yang juga mempunyai sebab seperti mereka untuk mencari keseronokan di luar rumah.

kesannya akan merebak kepada aktiviti yang tidak baik.


Banyak kes yang didedahkan oleh media massa menjelaskan remaja yang pada asalnya hanya ingin mencari keseronokan yang biasa sahaja di luar rumah akhirnya terjebak dengan aktiviti yang memudaratkan mereka. Pada

awalnya, mereka melepak di pusat hiburan sekadar suka-suka, akhirnya terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan dadah, penagihan pil terlarang, aktiviti pelacuran, dan lumba haram. Kegiatan ini merupakan risiko yang dihadapi oleh remaja yang sering mencari keseronokan di luar rumah. Mereka mudah terdedah kepada aktiviti yang melampau kerana di luar tiada pengawasan yang baik daripada semua pihak. Pengaruh rakan sebaya lebih besar daripada nasihat dan larangan pihak berkuasa.

Rakan sebaya menjadi individu penting bagi remaja. Banyak perkara

yang berkaitan dengan hal peribadi dikongsi bersama-sama rakan sebaya mereka. Tambahan pula, jika keadaan ibu bapa atau penjaga serta adik-beradik di rumah tidak mampu menjadi teman yang baik kepada mereka. Oleh itu, rakan sebaya menjadi tempat mereka mengadu dan meminta perhatian. Pemilihan rakan sebaya yang baik penting bagi remaja. Pengaruh rakan sebaya ini sebenarnya yang memberikan jawapan sama ada seseorang remaja tersebut berjaya ataupun sebaliknya. Dalam konteks remaja yang sering mencari keseronokan di luar rumah, pengaruh rakan sebaya ini lebih terarah kepada keburukan berbanding dengan kebaikan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam laporan tentang pembabitn remaja dalam salah laku moral, menunjukkan peningkatan jumlah remaja yang terlibat pada setiap tahun. Pada tahun 2013, terdapat 7816 kes berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 3700 kes. Berlaku peningkatan sebanyak 4116 kes remaja yang terlibat dengan kesalahan moral dan jenayah. Kadar peningkatan kes moral remaja ini semakin menakutkan. Angka kegiatan jenayah berat yang membabitkan remaja juga semakin





membimbangkan. Pada tahun 2013, misalnya, terdapat 2011 kes berbanding dengan 849 kes pada tahun sebelumnya. Peningkatan kes sebanyak 137 peratus memabitkan remaja yang terlibat dengan jenayah berat, seperti membunuh dan merogol. Angka ini merisaukan semua pihak. Semua aktiviti ini berpunca daripada kegiatan remaja di luar rumah. Walaupun pada asalnya hanya sebagai suka-suka, akhirnya kegiatan tersebut mempengaruhi remaja untuk melakukan kesalahan yang lebih berat.

Rakan sebaya merupakan rakan yang sama usia atau dalam lingkungan usia yang hampir sama. Pengaruh rakan sebaya sangat besar dalam proses kematangan seseorang remaja. Tokoh motivasi terkenal, Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah, menjelaskan bahawa rakan sebaya merupakan individu penting yang mampu menentukan baik atau sebaliknya pekerti seseorang. Dalam usia yang hampir sama, keinginan, tabiat, dan kawalan emosi mereka juga hampir sama. Oleh itu, pengaruh rakan sebaya mampu menjadi faktor penarik kedua berlakunya aktiviti menjejair keseronokan di luar rumah dalam kalangan remaja.

Selain itu, remaja juga sering didedahkan kepada keseronokan serta kebebasan remaja yang berpelesenan di luar rumah, melalui media massa,

terutamanya media elektronik. Rancangan televisyen, contohnya, memaparkan pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di luar rumah. Iklan berbentuk hiburan, keseronokan, dan seumpamanya mampu menarik perhatian remaja untuk turut serta. Walaupun aktiviti hiburan yang ditunjukkan itu bentuk hiburan yang terkawal, realiti di tempat tersebut sering disalahgunakan oleh penjunjung.

Populariti media sosial juga boleh menarik perhatian remaja untuk merancang pelbagai aktiviti yang tidak sihat di luar rumah. Penggunaan media sosial tanpa pengawasan dan sikap hati-hati dalam kalangan remaja mampu menarik remaja terjebak dengan muslihat pihak yang cuba mengambil kesempatan. Remaja sering terdedah kepada banyak orang yang tidak dikenali dalam media sosial. Kecenderungan remaja berkongsi masalah dan emosi dalam media sosial memudahkan orang lain untuk menarik perhatian mereka. Telah banyak kes jenayah yang dilaporkan berlaku

Penggunaan media sosial tanpa pengawasan dan sikap hati-hati dalam kalangan remaja mampu menarik perhatian muslihat pihak yang cuba mengambil kesempatan.

berpunca daripada pengenalan dalam media sosial. Kes "keldai dadah" yang melibatkan remaja, contohnya, berlaku berpunca daripada aktiviti dalam media sosial pada peringkat awal, kemudian terpengaruh melakukan aktiviti di luar rumah.

Anggota masyarakat secara keseluruhannya juga menjadi punca yang menarik perhatian

remaja untuk mencari keseronokan di luar rumah. Orang dewasa sering menunjukkan contoh yang tidak baik kepada anak remaja. Anggota masyarakat melalui penganjuran aktiviti hiburan melampau telah mempengaruhi remaja untuk turut serta. Biasanya syarikat besar yang bermotifkan keuntungan menganjurkan aktiviti hiburan yang melanggar adat dan batas agama semata-mata untuk tujuan promosi barangan mereka. Tidak salah untuk remaja terlibat dalam hiburan. Walau bagaimanapun, jika hiburan tersebut mendedahkan aktiviti yang melanggar adat budaya dan agama, maka remaja perlu menjauhinya. OS